




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **39 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,903 kes**. Tiada kes kematian direkodkan.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 158 menjadikan jumlah kumulatif 52,869 orang. Seramai 482 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 192 orang di hospital dan 290 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 15 orang dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kota Marudu bertukar dari zon merah ke zon jingga. Manakala Kinabatangan berubah dari zon jingga zon kuning.

4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu direkodkan.

5 Daripada 39 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 26 kes (66.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, tiga (3) kes (7.7%) saringan bergejala, empat (4) kes (10.3%) saringan kluster sedia ada serta enam (6) kes (15.4%) dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil 4,901 unit

- Hospital 644 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.

Peratus penggunaan katil 9.83%.

## **B PKPD KAMPUNG LINGKUDAU, KENINGAU**

- 1 Sehingga 12 Mac 2021, KKM telah melaksanakan 102 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 19 kes positif telah direkodkan.
- 2 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lingkuau, Keningau **bermula 15 Mac hingga 28 Mac 2021**, selaras dengan keputusan MKN.
- 3 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk serta mengawal pergerakan dan penularan jangkitan dalam komuniti.

## **C PINDAAN SOP BAGI AKTIVITI REKREASI LAUT**

- 1 Aktiviti rekreasi laut dan sungai seperti *scuba diving*, *snorkelling* dan memancing adalah **DIBENARKAN** dengan 50% kapasiti dan mematuhi SOP yang ditetapkan.
- 2 Muatan penumpang bagi *speedboat* terbuka dan tertutup yang membawa individu untuk aktiviti rekreasi laut dan sungai adalah dibenarkan **MENGIKUT KAPASITI** tertakluk kepada penjarakan fizikal satu (1) meter di antara penumpang.
- 3 Pindaan ini berkuatkuasa mulai **15 Mac 2021**.

## **D OPERASI BAS EKSPRESS DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Bagi tujuan menjana peningkatan ekonomi kumpulan pengusaha yang terkesan akibat penularan Covid-19, Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan operasi bas ekspres di seluruh Sabah **berkuatkuasa 14 Mac 2021**. Pengusaha dan penumpang bas ekspres dinasihatkan agar mematuhi SOP yang ditetapkan bagi melancarkan operasi sektor pengangkutan di negeri ini.

## **E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

Setakat ini, seramai **2,975** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **25,439** orang.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **285,714** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 4,247 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, lapan (8) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, sembilan (9) tangkapan dibuat atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 76 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Sebanyak 36 kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19 :
  - Papar : satu (1) orang
    - Kinarut : Gagal menyediakan peralatan / merekod butiran diri pelanggan.
  - Penampang : 35 orang
    - Berkumpul di dalam premis hiburan awam tanpa lesen / tiada penjarakan fizikal.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 98 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 504 lokasi melibatkan seramai 185 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 115 anggota RELA di 152 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Keningau, Kota Kinabalu, dan Beaufort.
- 7 Sejumlah 60 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 84 hebahan di seluruh Sabah.

**H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **95.7%**.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| <b>BIL</b> | <b>DAERAH</b> | <b>PERATUS</b> |
|------------|---------------|----------------|
| 1          | Sipitang      | 97%            |
| 2          | Kota Kinabalu | 96.7%          |
| 3          | Kinabatangan  | 96.5%          |
| 4          | Semporna      | 96.5%          |
| 5          | Beaufort      | 96.5%          |
| 6          | Ranau         | 96.5%          |
| 7          | Penampang     | 96.5%          |
| 8          | Beluran       | 96%            |
| 9          | Tenom         | 96%            |
| 10         | Kunak         | 96%            |
| 11         | Papar         | 96%            |
| 12         | Tuaran        | 96%            |
| 13         | Lahad Datu    | 96%            |
| 14         | Kota Belud    | 95%            |
| 15         | Kota Marudu   | 95%            |
| 16         | Sandakan      | 95%            |
| 17         | Kudat         | 95%            |
| 18         | Tawau         | 94%            |
| 19         | Keningau      | 94%            |

2 Ayuh, daftarkan diri untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**14 Mac 2021**